

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah hasil cukai barangan daripada import eksport melalui sempadan Kelantan-Thailand. Berapa banyakkah kerugian hasil yang hilang disebabkan aktiviti penyeludupan.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Hasil daripada aktiviti import/eksport barangan melalui sempadan Kelantan - Thailand bagi tempoh 1 Januari sehingga 30 September 2016 adalah berjumlah RM4.4 juta.

Dari segi kerugian hasil akibat aktiviti penyeludupan di sempadan

Kelantan - Thailand, ia melibatkan dua komponen utama iaitu:

- a. Kehilangan hasil cukai seperti duti import, duti eksport dan duti eksais yang tidak dapat dikutip; dan
- b. Kehilangan hasil daripada penyeludupan barang bersubsidi seperti diesel, petrol, gas memasak dan minyak masak.

Jumlah kerugian hasil akibat aktiviti penyeludupan di sempadan Kelantan-Thailand tersebut sukar dianggarkan dengan tepat pada masa ini. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengambil langkah yang rapi bagi membanteras aktiviti penyeludupan di sempadan negara. Usaha ini dilakukan dengan mengadakan kerjasama yang erat di antara semua agensi penguatkuasaan yang terlibat supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih cekap.